

Pusat Asuhan untuk Orang Tua Menurut Perspektif Islam

Muhammad Hazwan Abdul Razak
Ahmad Ainol Mohklisin Nurhadi
Bushrah Basiron

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, shakib@utm.my

Suggested Citation:

Abdul Razak, Muhammad Hazwan; Nurhadi, Ahmad Ainol Mohklisin; & Basiron, Bushrah. (2019). *Peranan Pusat Asuhan untuk Orang Tua Menurut Perspektif Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 223-234, ISBN: 978-967-2171-91-1.

Abstract

Orang tua atau lebih dikenali juga sebagai warga emas adalah tergolong dalam kumpulan warga yang semakin meningkat bilangannya dari semasa ke semasa. Berdasarkan keputusan beberapa kajian yang dijalankan melalui badan-badan tertentu dalam kerajaan ataupun swasta, kumpulan ini akan mendominasi sebanyak lebih 11.7 peratus menjelang tahun 2020 (Ishak, S.,2014). Warga emas ini adalah merupakan golongan yang penting dalam sesebuah masyarakat kerana mereka juga berperanan dan mempunyai hak sosial dalam stratifikasi kemasyarakatan. Namun begitu, didapati sejumlah kes yang melibatkan golongan tersebut memperlihatkan mereka berada dalam keadaan yang terabai dan tidak terurus serta tidak terjamin kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan pusat asuhan orang tua mengikut perspektif Islam. Kertas kerja ini dibuat berdasarkan kajian perpustakaan yang membincangkan pusat asuhan orang tua menurut perspektif Islam dan juga hak golongan warga emas. Secara amnya, didapati menjaga warga emas ini dalam jangka tempoh masa yang lama menyebabkan penjaga berada dalam keadaan dilema antara tanggungjawab dan juga dalam masa yang sama merasai kesulitan disebabkan masalah-masalah tertentu dalam kehidupan. Hasil kertas kerja ini akan dapat membantu penjaga pusat asuhan menyediakan pelan strategik yang komprehensif untuk melakukan penambahbaikan terhadap program-program yang menjaga kepentingan dan juga hak sosial dalam kalangan warga emas khususnya di Malaysia. **Kata kunci:** Orang tua, warga emas, pusat asuhan orang tua, perspektif Islam, hak warga emas.

References

- 'Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Buraikan, Ibrahim bin Muhammad Abdullah. (1998). Pengantar Studi Akidah Islam. *terj. Muhammad Arus Matta, Robbani Press*, 222-223.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim* (Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata Ed. Vol. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ayub, Mustaffa Kamil. (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Basiron, Bushrah. (1995). *Penghormatan dan Pembelaan Islam Terhadap Orang Tua; Satu kajian Di rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Basiron, Bushrah. (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai, Johor: Penerbit, Universiti Teknologi Press.
- Basiron, Bushrah. (2011). *Status Wanita Muslim dan Yahudi: Kajian Perbandingan dari Aspek Keagamaan dan Pendidikan*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamzah, Azam (1991). *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus (711-1492)*. Selangor: Penerbitan Hizbi Sdn. Bhd.

- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hussin, Hayatun Najihah, Zulhisham, Nur Syahirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Perkembangan Kognitif Anak-anak di Luar Rumah*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Ibn Hibban, Muhammad. (1988). *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed. Vol. 1-18). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ismail, Ahmad Munawar. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Izham, Azril, Amin Harun, Muhammad Syukri, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Mendidik Anak-Anak di Zaman Moden*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Azmi Kamarul. (2016). Matlamat Hidup. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*: Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Hakikat Penciptaan Manusia dan Alam: Al-Baqarah (2: 28-29)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 8: Program Budaya al-Quran. 20hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018g). *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 5: Program Budaya al-Quran. 16hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018h). *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahamed, Azmi Maricar, & Mohd Noor, Jawwal Miqdam. (2015). Mahasiswa dan Matlamat Hidup. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa & Kehidupan Menurut Perpektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2020). *Didiklah Kami Dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. (2012, 22 September 2012). *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. (2012). *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muammar, Khalif. (2009). Faktor kegemilangan tamadun Islam: pengajaran dari masa lalu. *Jurnal Hadhari*, 1 (2), 15-31.
- Muhamad Shukri, Abdul Salam. (2004). *Panduan Mengajar Akidah Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya* (pp. 129-140). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Rahman, Abd Zaharuddin (2010). *Mutiara Akidah & Ibadat*. Selangor: Group Buku Karangkrif Sdn Bhd.
- Ramli, Awang. (2005). *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosfazila Abd. Rahman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraleha Salleh, Abdul Razif Zaini. (2018). Analisis Rumah Ehsan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Jurnal Pengajian Islam*, 41-51.
- Sabiq, Sayid. (1994). *Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman* (Vol. 2). Kyodo Printing Co (S'pore) Pte Ltd 112 Neythal Road, Jurong Town. Singapore 2262: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Shuib, Fadzlullah. (2007). *Pemikiran dan Tamadun Islam* (Mohd. Puzhi Usop Ed.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Taher, Tarmizi (2002). *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani: Mati di Era Klenik*. Jakarta: Gema Insan Press.
- Yahya, Mahyudin. (1998). *Tamadun Islam*. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti.

17

PUSAT ASUHAN UNTUK ORANG TUA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Muhammad Hazwan Abdul Razak
Ahmad Ainol Mohklisin Nurhadi
Bushrah Basiron

Abstrak

Orang tua atau lebih dikenali juga sebagai warga emas adalah tergolong dalam kumpulan warga yang semakin meningkat bilangannya dari semasa ke semasa. Berdasarkan keputusan beberapa kajian yang dijalankan melalui badan-badan tertentu dalam kerajaan ataupun swasta, kumpulan ini akan mendominasi sebanyak lebih 11.7 peratus menjelang tahun 2020 (Ishak, S.,2014). Warga emas ini adalah merupakan golongan yang penting dalam sesebuah masyarakat kerana mereka juga berperanan dan mempunyai hak sosial dalam stratifikasi kemasyarakatan. Namun begitu, didapati sejumlah kes yang melibatkan golongan tersebut memperlihatkan mereka berada dalam keadaan yang terabai dan tidak terurus serta tidak terjamin kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan pusat asuhan orang tua mengikut perspektif Islam. Kertas kerja ini dibuat berdasarkan kajian perpustakaan yang membincangkan pusat asuhan orang tua menurut perspektif Islam dan juga hak golongan warga emas. Secara amnya, didapati menjaga warga emas ini dalam jangka tempoh masa yang lama menyebabkan penjaga berada dalam keadaan dilema antara tanggungjawab dan juga dalam masa yang sama merasai kesulitan disebabkan masalah-masalah tertentu dalam kehidupan. Hasil kertas kerja ini akan dapat membantu penjaga pusat asuhan menyediakan pelan strategik yang komprehensif untuk melakukan penambahbaikan terhadap program-program yang menjaga kepentingan dan juga hak sosial dalam kalangan warga emas khususnya di Malaysia.

Kata kunci: *Orang tua, warga emas, pusat asuhan orang tua, perspektif Islam, hak warga emas.*

PENDAHULUAN

Antara tujuan manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya dan menjadi khalifah di atas muka bumi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memaju dan memakmurkan kehidupan (Jasmi, K. A., 2018f; Jasmi, K. A. *et al.*, 2015; Jasmi, A. K., 2016). Proses pembangunan dan ketamadunan manusia memerlukan suatu garis panduan bagi memastikan kelangsungan kehidupan secara harmoni dan terkawal (Hamzah, A., 1991; Ayub, 1994; Yahya, 1998; Shuib, 2007; Muammar, 2009; Ashraf Aziz *et al.*, 2012; Kuang *et al.*, 2012). Garis panduan tersebut amat penting sekali kerana sikap dan sifat yang ada pada manusia adalah pelbagai dan berbeza antara satu sama lain serta sering berubah-ubah mengikut peredaran masa.

Dengan sifat Allah SWT yang Maha Pemurah dan Penyayang (Jasmi, K. A., 2018c, 2018d), ajaran Islam diturunkan untuk menyusun atur kehidupan dan hubungan antara manusia dengan Penciptanya, begitu juga dengan hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam semulajadi (Jasmi, K. A., 2018a, 2018g, 2018b, 2018h). Dalam melaksanakan pengabdian diri kepada Allah SWT selaku Tuhan yang menciptakan alam semesta, manusia turut dituntut untuk memakmurkan bumi sebagai sebahagian daripada pelaksanaan fungsi penyembahan kepada Allah. Seseorang individu yang mengaku beriman kepada Allah SWT akan tunduk menyembah dan bersujud kepada Allah. Dalam masa yang sama, individu beriman tersebut juga akan melibatkan diri dalam membangunkan masyarakat dengan mengeksploitasi sumber alam semulajadi untuk kepentingan dan kemakmuran manusia.

Islam sebagai panduan yang datang dari Allah SWT adalah sangat bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia (Jasmi, K. A. & Tamuri, 2011; Ismail & Jasmi, 2016; Sabiq, 1994; al-Buraikan, 1998; Taher, 2002; Muhamad Shukri, 2004; Ramli, 2005; Ismail, 2009; Rahman, 2010). Hal ini demikian kerana Allah SWT ialah Tuhan yang menciptakan manusia, maka sudah tentulah Dia amat mengetahui segala kelemahan dan kelebihan manusia. Kesan daripada turunnya syariat Islam yang dilaksanakan sepenuhnya oleh para Nabi dan manusia yang beriman, maka lahirlah institusi-institusi Islam yang mengikut kerangka dan acuan yang dipimpin oleh wahyu. Setiap umat Islam mesti yakin bahawa pelaksanaan syariat Islam pasti akan membawa kepada kebahagiaan yang hakiki dan keadilan yang sejati.

Islam yang syumul membawa pengertian bahawa tiada suatu sudut atau bidang keperluan dalam kehidupan manusia yang ditinggalkan melainkan terdapat peraturan dan panduan yang akan memberi keadilan dan kebahagiaan kepada seluruh manusia. Hal ini amat berbeza dengan sistem-sistem atau institusi-institusi yang dicipta oleh manusia sendiri yang pastinya bersifat serba kekurangan dan mengabaikan aspek-aspek tertentu. Islam adalah cara hidup yang mencakupi seluruh aspek kehidupan dan syariatnya berfungsi sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan manusia (Muhammad, A., 2009). Tindakan menolak syariat Islam hanya akan mengakibatkan manusia dan seluruh alam semulajadi ini menjalani kehidupan secara tidak sempurna dan serba kekurangan. Antara ciri khusus Islam ialah bersifat *mutakamil* atau bersepadu yang membawa maksud Islam menyelesaikan permasalahan manusia secara sempurna.

Penuaan adalah suatu proses semulajadi yang akan berlaku kepada setiap manusia di muka bumi ini, iaitu dalam setiap kitaran kehidupan manusia sehinggalah ke akhir hayatnya. Proses ini adalah berterusan dan berlaku secara semulajadi. Walaupun semua manusia akan mengalami proses ini, namun setiap individu akan melaluinya dengan kadar yang berbeza-beza. Sesetengah orang akan kelihatan lebih tua berbanding dengan orang lain pada yang umur sama. Ada orang yang lebih kelihatan muda berbanding dengan umurnya. Selain itu, ini juga proses biologi (termasuk genetik) yang berbeza-beza antara setiap individu. Ia juga akan dipengaruhi oleh amalan gaya hidup dan persekitaran. Dalam hal ini, jumlah warga emas zaman kini semakin meningkat dan peningkatan tersebut adalah kerana adanya kesedaran dalam menjaga kesihatan diri sendiri bagi mengelakkan masalah ataupun penyakit kronik terjadi.

Namun demikian, terdapat kesan sampingan akibat peningkatan jumlah golongan warga emas khususnya dalam aspek jaminan keamanan dan kesejahteraan untuk golongan tersebut pada zaman moden ini. Hal ini demikian kerana terdapat sejumlah kes yang berkait rapat dengan golongan warga emas, keperihatinan dan sifat tanggungjawab masyarakat amnya kepada kumpulan warga emas adalah berada pada tahap yang amat rendah (Ali, S., 2018). Seterusnya, terdapat juga beberapa kes yang melibatkan ahli keluarga seperti keluarga sendiri ataupun yang terdekat. Dengan kata lain, ahli keluarga sepatutnya menjadi tempat warga emas berlindung tetapi berlaku sebaliknya seperti mengambil kesempatan ke atas keadaan mereka yang semakin lemah dan uzur disebabkan proses penuaan. Di samping itu, terdapat juga golongan warga emas yang tidak dihiraukan langsung oleh anak-anak mereka sendiri dan sekiranya ada kesediaan untuk menerima mereka pun bukannya dari niat yang ikhlas dan jujur tetapi mempunyai agenda yang tersendiri (Rosfazila Abd. Rahman, 2018).

DEFINISI HAK MENURUT ISLAM

Islam mengajarkan umatnya untuk saling hormat-menghormati sesama manusia sama ada seagama ataupun tidak, muda ataupun tua, mempunyai hubungan kekeluargaan mahupun tidak (Jasmi, K. A., 2002, 2020, 2018e). Menerusi pelbagai dalil dalam al-Quran mahupun Hadis, Islam adalah agama yang meletakkan kedudukan orang tua khususnya ibu bapa di tempat yang paling tinggi lagi mulia (Basiron, 2006, 2011, 1995). Islam amat memuliakan insan yang bergelar ibu dan bapa dan mewajibkan anak-anaknya berbakti dan menghormati mereka dengan menunjukkan akhlak yang baik. Ini adalah antara ciri-ciri orang beriman yang dicintai oleh Allah. Oleh kerana kemuliaan dan ketinggian kedudukan golongan ibu dan bapa tersebut, Allah SWT mewajibkan

kita berlaku *ihsan* (berbakti dan berbuat baik) kepada kedua-dua ibu bapanya selepas kewajipan menyembah hanya kepada Allah SWT dan larangan syirik kepadaNya (Basiron, 2006, 2011). Perintah ini disebut dalam firman Allah SWT berikut:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksud: *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah SWT dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 36)

Maksud berbuat baik dalam potongan ayat ini ialah dengan cara berusaha mencari keredaan dan mengembirakan hati ibu bapa kerana keredaan Allah SWT bergantung kepada keredaan ibu bapa, serta kemurkaan ibu bapa menyebabkan kemurkaan Allah (Basiron, 1995, 2006, 2011). Oleh itu, jelaslah bahawa menjadi kewajipan seorang anak untuk memuliakan dan memastikan keperluan ibu bapanya dipenuhi dengan sebaik mungkin sama ada secara fizikal, mental dan emosi supaya mereka berada dalam situasi bahagia dan sejahtera sehingga ke akhir hayatnya.

Perkara yang sama juga dilihat dalam adat atau uruf masyarakat Islam Melayu yang kental dengan adat sopan santun, budaya ketimuran dan juga lemah lembut. Bukan hanya kedudukan ibu bapa yang dipandang tinggi dan sangat dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu, tetapi sikap sopan santun ini juga berlaku kepada sesiapa pun yang dianggap lebih tua umurnya. Oleh itu, menjadi satu adat kebiasaan yang diamalkan dan diyakini sehingga kini bahawa anak-anak mempunyai kewajipan untuk menghormati dan memuliakan orang tua khususnya ibu bapa. Sesiapa yang melanggarnya dianggap satu kesalahan besar yang boleh merosakkan harga diri, maruah dan nama baik keluarga.

Di dunia ini Allah SWT menciptakan kesemua hukum-hukum dan juga hak-hak yang patut ditegakkan dan sekiranya pelanggaran terhadap hak-hak tersebut terjadi, maka akan berlakunya ketidakadilan kepada manusia dan alam semulajadi. Ianya terkandung dalam firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.*

(Surah *al-Nahl*, 16: 90)

Allah SWT menciptakan manusia sebagai sebaik-baik kejadian. Berbanding dengan seluruh makhluk yang lainnya, manusia dianugerahkan dengan akal yang meletakkannya pada kedudukan

yang mulia. Tambahan pula sebilangan insan yang terpilih dalam kalangan manusia yang dikenali sebagai para nabi dan rasul dibekalkan dengan wahyu sebagai panduan dalam urusan keagamaan dan perkara kebaikan yang boleh memberi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Dalam masa yang sama, manusia diamanahkan tugas sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini demikian kerana manusia adalah penerus generasi yang menggalas peranan untuk mentadbir dan membangunkan alam ini sesuai dengan peraturan yang ditetapkan Allah. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا
يَعُظُّكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksud: *Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 58)

Ayat ini menegaskan bahawa ibu bapa juga adalah amanah dari Allah SWT yang menetapkan setiap anak perlu memikul tanggungjawab untuk berbakti kepada kedua ibu bapa demi untuk mendapatkan keredaan dari Ilahi. Dengan kata lain, selama mana ibu bapa tersebut hidup dan dan masih bernafas di muka bumi ini, selagi itulah pintu rahmat dari Allah SWT terbuka untuk anak-anak mengejar pahala dan keberkatan demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat kelak.

CIRI KEKELUARGAAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Keluarga merupakan sekumpulan individu yang berkongsi ruang kehidupan secara fizikal dan psikologi. Hal ini demikian kerana manusia memiliki satu sistem sosial semulajadi yang memiliki ciri-ciri tersendiri. Dalam hal ini, setiap ahli masyarakat mempunyai bidang kuasa dan peranan masing-masing. Mereka berkongsi cara hidup, budaya dan agama, berkembang bersama, berkongsi suka-duka dalam menempuh kehidupan serta mempunyai ikatan dan hubungan darah daging yang kekal sepanjang hayat. Islam menggariskan beberapa ciri penting bagi sesebuah institusi keluarga (Muhammad, A., 2009). Antaranya ialah:

- (1) Berbentuk keluarga yang berkembang dan terdiri daripada ibu bapa, datuk, nenek, anak-anak, cucu-cicit, adik-beradik, saudara-mara, saudara secara persemendaan dan susuan.
- (2) Tidak diikat dengan pertalian fizikal semata-mata, iaitu seperti tinggal bersama di bawah satu bumbung.
- (3) Diikat dengan nilai halal haram yang melibatkan kedudukan suami isteri dan mahram, nilai ketaatan dan kepatuhan, nilai penghormatan seperti ikatan antara ibu bapa dan anak, kewajipan memberi nafkah, hak menerima harta pusaka dan jaminan sosial.
- (4) Diikat dengan rasa saling mengharap dan bekerjasama.

Gabungan daripada ciri-ciri yang disebutkan ini dapat membentuk sebuah institusi keluarga yang mampan dan mampu berhadapan dengan cabaran kehidupan terutamanya pada era globalisasi. Dalam hal ini, anak-anak dituntut untuk taat kepada kedua ibu bapa namun ketaatan tersebut ada batasnya, iaitu tidak boleh mempersekutukan Allah SWT Sayyid Qutb berkata:

“Sampai di sini gugurlah kewajiban ta’at kepada dua ibu bapa dan di sinilah meningkatnya hubungan akidah mengatasi segala hubungan yang lain. Walaubagaimana hebat usaha, perjuangan, desakan dan penerangan yang dikemukakan oleh ibu bapa dengan tujuan memujuk si anak supaya mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang tidak diketahui ketuhanannya, maka dia diperintah supaya jangan taat kepada kehendak dua ibu bapa itu. Itulah perintah dari Allah SWT selaku tuan punya hati yang pertama yang pasti ditaati. Tetapi perbezaan akidah di antara anak dan ibu bapa, juga perintah supaya mentaati ibu bapa dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah, tidaklah menggugurkan hak ibu bapa dari mendapat layanan yang baik dan persahabatan yang mesra dari anak-anaknya”.

Kenyataan ini selaras dengan kisah seorang lelaki seperti yang disebutkan dalam hadis ini (Muslim, t.th.: 6):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ، قَالَ: أَقْبَلَ رَجُلٌ إِلَى نَبِيِّ اللَّهِ ﷺ فَقَالَ: أَبَايُعَكَ عَلَى الْهِجْرَةِ وَالْجِهَادِ، أَنْتَبِعِي الْأَجْرَ مِنَ اللَّهِ، قَالَ: «فَهَلْ مِنْ وَالِدَيْكَ أَحَدٌ حَيٌّ؟» قَالَ: نَعَمْ، بَلْ كِلَاهُمَا، قَالَ: «فَتَبْتَعِي الْأَجْرَ مِنَ اللَّهِ؟» قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: «فَارْجِعِي إِلَى وَالِدَيْكَ فَأَحْسِنِي صُحْبَتَهُمَا.»

Maksud: ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘As berkata, “Seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW lalu berkata: Aku berbai’ah kepada kamu untuk berhijrah dan jihad bagi mencari pahala daripada Allah. Baginda Rasulullah S.A.W. bersabda: “Adakah salah seorang ibu bapa kamu masih hidup? Jawab beliau: “Ya, bahkan kedua-duanya.” Baginda bersabda: “Adakah kamu ingin mencari pahala daripada Allah? Jawabnya: “Ya.” Lantas Rasulullah SAW bersabda: “Pulanglah kepada ibu bapa kamu dan beribhsanlah dalam melayani kedua-duanya”.

(Muslim)

Dengan itu dapatlah difahami bahawa keluarga adalah tempat memupuk kasih sayang, keharmonian dan kebahagiaan. Hal ini penting kerana generasi yang stabil psikologi dan emosinya ialah generasi yang mendapat kasih sayang dan didikan yang sempurna dari ibu bapa. Seterusnya, sifat-sifat ini akan memupuk nilai tanggungjawab yang membentuk sahsiah generasi baru agar lebih sabar, tabah, tahan lasak, mempunyai kasih sayang, dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Oleh itu, anak-anak perlu mengetahui hak dan tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa dalam institusi kekeluargaan yang mengikut perspektif Islam.

PERANAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DALAM ISLAM

Peranan utama institusi keluarga dalam Islam ialah menjamin wujudnya suasana yang membolehkan nilai Islam tumbuh dan berkembang dalam jiwa, diri dan peribadi ahli setiap keluarga. Melalui institusi ini, generasi baru yang tumbuh akan dididik dan diasuh untuk mencintai Islam dan menghayatinya di samping mendukung aspirasi yang diredai dan dikehendaki oleh Islam. Suasana ini wujud dalam sesebuah institusi keluarga Islam yang mendasarkan segala perlakuan mereka kepada landasan iman dan taqwa (Muhammad, A., 2009).

Antara fungsi institusi kekeluargaan dalam Islam ialah pengekalan dan penerusan generasi umat manusia di atas muka bumi, perlindungan akhlak dan tatasusila serta meluaskan kekerabatan dan mewujudkan kekuatan sosial. Selain itu, ia juga berfungsi bagi proses pembentukan dan pembinaan nilai, pembina tamadun manusia, wadah kestabilan hubungan kerohanian, kebaikan dan kasih sayang, jaminan sosial dan ekonomi, serta pemugar keazaman untuk berusaha dan berkorban.

Pengekalan dan Penerusan Umat Manusia

Penerusan peranan manusia sebagai khalifah bergantung kepada keberkesanan jentera yang menjamin pembiakan umat manusia. Segala yang berkaitan dengan proses pengembangan dan pembiakan memerlukan kepada wujudnya satu struktur yang stabil yang dapat menjamin proses tersebut berjalan dengan baik. Oleh itu, perempuan, lelaki dan anak-anak memerlukan suatu institusi yang tetap dan berkekalan untuk memenuhi tujuan ini. Al-Quran banyak menyebutkan bahawa hanya institusi keluarga sahajalah yang dapat mengendalikan sistem pengembangan dan pembiakan ini dengan sempurna (Jasmi, K. A., 2013, 2018b).

Perlindungan Akhlak dan Tatasusila

Cinta, naluri dan seks kepada pasangan yang berlainan jenis adalah sesuatu yang tabi'i dalam diri manusia. Ia adalah anugerah Allah SWT yang amat bernilai, berharga, dan mulia kedudukannya jika dikendali dengan sah dan betul. Islam menetapkan cara pengendalian cinta, naluri, dan seks kepada pasangan yang berlainan jenis bagi menjamin kesucian melalui pernikahan yang menghalalkan hubungan antara lelaki dan perempuan. Kecenderungan yang tidak terkawal dengan cara yang dibenarkan oleh Islam akan membawa kepada kerosakan akhlak (Jasmi, K. A., 2017). Pengabaian terhadap kecenderungan ini merupakan penentangan terhadap tabiat semulajadi manusia. Institusi keluarga yang dibina secara sah akan memelihara dan melindungi akhlak hubungan antara lelaki dan juga perempuan.

Meluaskan Keekerabatan dan Mewujudkan Kekuatan Sosial

Institusi kekeluargaan berperanan memperluaskan dalam hubungan keekerabatan dalam kalangan pasangan. Ikatan kekeluargaan akibat pernikahan bukan setakat pasangan tetapi melibatkan keseluruhan ahli keluarga dua pihak termasuk ipar-duai (Jasmi, K. A. & Md. Saleh @ Masrom, 2020; Hamzah, N. & Jasmi, 2020).

Proses Pembentukan dan Pembinaan Nilai

Fungsi pembiakan manusia tidak sempurna tanpa adanya pendidikan, pembentukan keperibadian, pembinaan nilai dan pengarahannya ke arah ciri-ciri keagamaan dan kebudayaan. Proses pembinaan ini merangkumi hubungan keilmuan, kerohanian dan kasih sayang yang berpanjangan (Basiron, 2006). Tiada institusi lain yang mampu mengambil alih tugas ini secara sempurna. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tadika, pusat bimbingan mahupun sekolah tidak akan mampu mengambil alih tugas pembentukan dan pembinaan nilai ini secara sempurna berbanding institusi keluarga.

Pembina Tamadun Manusia

Kelahiran sesuatu tamadun itu bertitik tolak daripada kelahiran individu yang mempunyai watak, sikap dan keperibadian yang sempurna (Jasmi, K. A., Sahir, *et al.*, 2012; Jasmi, K. A., Razi, *et al.*, 2012; Jasmi, K. A., Hong, *et al.*, 2012; Izham *et al.*, 2012; Hussin *et al.*, 2012; Muhammad & Jasmi, 2009). Pembinaan keperibadian yang sempurna ini hanya dapat dilakukan oleh institusi keluarga. Hal ini disebabkan hanya keluarga sahaja yang mampu melahirkan secara langsung tugas dan tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik dan membentuk watak, sikap, dan keperibadian setiap individu. Ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab dalam mencorakkan keperibadian setiap anak (Basiron, 2006, 2011). Pembinaan yang berterusan oleh ibu bapa akan melahirkan warganegara yang baik, cemerlang, gemilang, dan terbilang bagi membina tamadun manusia.

Wadah Kestabilan Hubungan Kerohanian, Kebaikan, dan Kasih Sayang

Hubungan antara ahli keluarga tidak terbatas kepada hubungan fizikal semata-mata. Keluarga merupakan pusat untuk mengembangkan kasih sayang, kebaikan, perlindungan, kehormatan, percaya mempercayai, pengorbanan, dan ketenteraman jiwa yang berlandaskan kekuatan rohani.

Islam menganjurkan sistem institusi kekeluargaan sebagai landasan untuk ahli keluarga yang berhubung antara satu sama lain dengan cara yang baik dan penuh rasa tanggungjawab dalam memenuhi keperluan masing-masing (Muhammad, A., 2009). Melalui sistem perhubungan ini peranan setiap individu dalam institusi keluarga dapat disalurkan dan sebarang bentuk penganiayaan terhadap kebajikan mereka dapat dihindarkan.

Jaminan Sosial dan Ekonomi

Suami bertanggungjawab memberi jaminan sosial dan menyara kehidupan isteri dan anak-anak. Islam juga memerintahkan agar penganutnya membantu kaum kerabat sama ada dalam bentuk sedekah, derma mahupun zakat (Basiron, 1995, 2006, 2011). Islam juga mewujudkan undang-undang harta pusaka yang bertujuan memelihara jaminan sosial dan tuntutan ekonomi apabila berlakunya penceraian ataupun kematian kepada pasangan.

Pamugar Keazaman untuk Berusaha dan Berkorban

Perkahwinan akan meningkatkan keazaman pasangan yang berkahwin untuk berusaha dan berkorban demi keluarga yang dibina. Lelaki sebagai ketua rumahtangga, kaum lelaki akan merasa bertanggungjawab untuk berusaha lebih gigih dalam memperbaiki kedudukan ekonomi bagi memenuhi hak dan tanggungjawab orang yang berada di bawah tanggungannya.

MENEMPATKAN ORANG TUA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Hukum yang termaktub dalam Islam adalah harus dan dibolehkan seandainya ibu atau bapa (golongan warga emas) menyukainya. Seterusnya, jika layanan yang diberikan di Rumah Orang Tua adalah baik, teratur dan tiada sedikit pun unsur penganiayaan terhadap ibu atau bapa (golongan warga emas). Anak-anak hendaklah mendapatkan persetujuan kerelaan daripada kedua ibu bapa dengan tiada sebarang paksaan dan unsur-unsur yang tidak baik. Sebagai contoh, penempatan haruslah dikhaskan untuk kedua ibu bapa dan juga selesa, aman, serta mampu mententeramkan fikiran mereka. Persediaan dan juga penjagaan dari aspek pemakanan, makan minum, dan soal kesihatan mestilah sempurna dari setiap sudut tanpa sebarang kompromi. Anak-anak juga hendaklah memastikan wujudnya servis dan persekitaran yang baik dan keselamatan yang terjamin dari pihak pengurusan tersebut. Pusat asuhan yang dipilih hendaklah bersesuaian terhadap ibu bapa dan orang tua. Contohnya terdapat privasi sendiri, iaitu adanya ruangan khas serta penjagaan aurat yang baik bagi mereka, seeloknya anak-anak hendaklah memilih rumah orang tua yang membuat pengasingan antara lelaki dan perempuan.

Selain itu, anak-anak harus memastikan semua keperluan untuk kegunaan ibu bapa di pusat asuhan tersebut hendaklah sempurna dari segi agama Islam termasuklah keselesaan untuk tempat beribadat kepada mereka, dan pembelajaran agama Islam dan pengajian bagi menambahkan ilmu agama, iaitu ilmu akhirat sebagai pengisian rohani bagi mereka. Anak-anak hendaklah sentiasa meluangkan masa untuk menziarahi dan menyantuni ibu bapa dengan kerap walaupun di bawah jagaan Rumah Orang Tua dengan membawa mereka berjalan-jalan atau meluangkan masa seperti berbual dan berbicara dengan mereka. Pesanan Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amr dengan sabdanya (Ahmad, 2001: 6807):

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُزْحَرَ عَنِ النَّارِ وَيُدْخَلَ الْجَنَّةَ فَلْتَأْتِهِ مَنِّيئُهُ وَهُوَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَ
لِيَأْتِ إِلَى النَّاسِ الَّذِي يُحِبُّ أَنْ يُؤْتَى.

Maksud: *Sesiapa yang suka diselamatkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka hendaklah datang kematiannya dalam keadaan dia beriman dengan Allah SWT dan Hari Akhirat. Dia juga memperlakukan manusia sebagaimana dia suka manusia perlakukan kepadanya.*”

(Ahmad)

Petikan daripada pesanan Rasulullah tersebut adalah untuk mengingatkan kepada setiap manusia yang bergelar anak tentang tanggungjawab mereka terhadap ibu bapa. Anak adalah permata kepada ibu bapa tersebut. Semasa kecil, anak tersebut dijaga dengan penuh kasih sayang dan kemanjaan yang tidak terkira dari kedua ibu bapa mereka. Maka, wajiblah anak-anak tersebut berbakti kepada orang tua mereka sehinggalah ibu bapa menutup mata (ajal tiba). Kerana masa hidup mereka sahajalah reda dan berkat dari Ilahi terbuka untuk anak-anak, dan disebabkan itu anak-anak boleh mengumpulkan sebanyak mana pahala yang akan di bawa ke akhirat kelak. Sebaiknya setiap anak mempunyai sifat bertanggungjawab kepada orang tua mereka dan juga berlumba dalam menabur bakti kepada mereka tanpa kenal erti jemu. Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda (Muslim, t.th.: 2551):

رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ، قِيلَ: مَنْ؟ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: «مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ، أَحَدَهُمَا أَوْ كِلَيْهِمَا فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ.»

Maksud: *“Kehinaan, kehinaan, kehinaan.”* Baginda ditanya: *“Siapa yang engkau maksudkan wahai Rasulullah?”* Rasulullah menjawab: *“Siapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, salah satu atau keduanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.”*

(Muslim)

Sahabat Abu Bakrah pernah meriwayatkan hadis Rasulullah SAW dengan sabdanya (Al-Bazzar, 2009; Al-Hakim, 1990):

كُلُّ الذُّنُوبِ يُؤَخَّرُ اللَّهُ مَا شَاءَ مِنْهَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ إِلَّا عُقُوقَ الْوَالِدَيْنِ فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُعَجِّلُهُ لِصَاحِبِهِ فِي الْحَيَاةِ قَبْلَ الْمَمَاتِ.

Maksud: *“Setiap dosa akan dilewatkan oleh Allah SWT hukumannya mengikut kehendak-Nya sehingga hari kiamat kecuali derhaka kepada ibu bapa. Maka sesungguhnya Allah SWT akan menghukumkan kepada pelakunya semasa hidup sebelum kematian lagi.”*

(Al-Bazzar dan al-Hakim)

Rasulullah SAW bersabda sepertimana yang diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amr RA (Ibn Hibban, 1988):

رِضَاءُ اللَّهِ فِي رِضَاءِ الْوَالِدِ، وَسَخَطُ اللَّهِ فِي سَخَطِ الْوَالِدِ.

Maksud: *“Allah reda dengan sebab reda kedua ibu bapa dan Allah SWT murka dengan sebab murka kedua ibu bapa.”*

(Ibn Hibban)

Hadis ini menjelaskan bahawa keredaan Allah SWT datang daripada keredaan ibu bapa. Oleh itu, frasa ini bermaksud setiap keredaan yang diterima dari Allah SWT adalah datang dari ibu bapa sendiri. Sebagai seorang hamba Allah SWT dan anak kepada ibu bapa, adalah penting bagi setiap insan untuk mendapatkan keredaan dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana keredaan itu sendiri bermaksud keberkatan dalam setiap perkara atapun perbuatan dalam menjalani kehidupan didunia. Dalam soal Pengurusan Rumah Orang Tua, sama ada mendapat keredaan atau sebaliknya adalah bergantung kepada kaedah yang dilakukan dalam pengurusan rumah tersebut. Dengan itu, amatlah perlu dititikberatkan cara atau sistem yang terbaik dalam pengurusan Rumah Orang Tua. Oleh kerana itu, Allah SWT memerintahkan anak-anak mendoakan kedua ibu dengan doa ini:

رَبِّ أَرْحَمَهُمَا كَمَا رَبَّيْتَانِي صَغِيرًا ﴿٢٤﴾

Maksud: *Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.*”

(Surah *al-Isra'*, 17: 24)

Walau bagaimanapun, sekiranya mampu anak-anak sepatutnya berusaha untuk menjaga, melayani, dan berbakti kepada kedua ibu bapa dalam penjagaan mereka sendiri. Dengan itu, kebajikan ibu bapa sentiasa berada di bawah pemerhatian mereka setiap hari. Alangkah beruntungnya jika anak-anak dapat memberi kebaktian yang terbaik sebagaimana ibu bapa menjaga mereka dengan sepenuh kasih sayang sejak mereka kecil lagi (Basiron, 2011). Jelasnya, institusi kekeluargaan Islam merupakan satu institusi yang penting dalam membina masyarakat yang bertamadun. Kukuhnya sesebuah institusi kekeluargaan itu selama mana ia merujuk kepada ketetapan syarak dan apabila hak-hak ahlinya disempurnakan dengan baik (Jasmi, K.A. & Salleh, 2007).

RUMUSAN

Kertas kerja ini menjelaskan bahawa pusat asuhan untuk orang tua menurut pandangan Islam adalah suatu disiplin yang menghuraikan dan membincangkan sejauh mana hak orang tua (warga emas) mengikut pandangan Islam. Ajaran ilmu Tauhid yang menitikberatkan hubungan sesama manusia dapat membuktikan bahawa setiap makhluk yang ada di muka bumi ini wajib diberikan perlindungan untuk meneruskan kehidupan dengan aman dan sejahtera. Pelanggaran ataupun keingkaran terhadap suruhan ini akan menjadi salah satu punca terjadinya pengabaian dan kezaliman kepada golongan orang tua (warga emas) yang menaburkan banyak jasa dan pengorbanan ketika usia muda mereka.

Hak-hak perlindungan yang digariskan wajib dipraktikkan di semua pusat asuhan untuk memastikan golongan orang tua (warga emas) memiliki hak, kualiti, dan persekitaran hidup yang terjamin dari semua sudut sama ada dari aspek fizikal, emosi, ekonomi dan perundangan. Tahap kesedaran untuk melindungi hak dan juga keperluan golongan orang tua (warga emas) adalah merupakan suatu perkara yang amat penting dalam memastikan kehidupan masyarakat berjaya mencapai suatu tahap peradaban yang tinggi dan terpuji.

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.

- al-Buraikan, Ibrahim bin Muhammad Abdullah. (1998). Pengantar Studi Akidah Islam. *terj. Muhammad Arus Matta, Robbani Press*, 222-223.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn li al-Hakim* (Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata Ed. Vol. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ayub, Mustaffa Kamil. (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Basiron, Bushrah. (1995). *Penghormatan dan Pembelaan Islam Terhadap Orang Tua; Satu kajian Di rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Basiron, Bushrah. (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai, Johor: Penerbit, Universiti Teknologi Press.
- Basiron, Bushrah. (2011). *Status Wanita Muslim dan Yahudi: Kajian Perbandingan dari Aspek Keagamaan dan Pendidikan*. (Doktor Falsafah), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamzah, Azam (1991). *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus (711-1492)*. Selangor: Penerbitan Hizbi Sdn. Bhd.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hussin, Hayatun Najihah, Zulhisham, Nur Syahirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Perkembangan Kognitif Anak-anak di Luar Rumah*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Ibn Hibban, Muhammad. (1988). *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih ibn Hibban* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed. Vol. 1-18). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ismail, Ahmad Munawar. (2009). *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. (Doktor Falsafah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Izham, Azril, Amin Harun, Muhammad Syukri, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Mendidik Anak-Anak di Zaman Moden*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Azmi Kamarul. (2016). Matlamat Hidup. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*: Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Hakikat Penciptaan Manusia dan Alam: Al-Baqarah (2: 28-29)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 8: Program Budaya al-Quran. 20hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). Karekter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018f). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018g). *Siapa Allah? dan Dongeng Para Atheis: Al-Baqarah (2: 21-22)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 5: Program Budaya al-Quran. 16hb. Ogos 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018h). *Wasiat Allah SWT kepada Bani Israil: Surah al-Baqarah (2: 40-46)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 11: Program Budaya al-Quran, 22hb. November 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahamed, Azmi Maricar, & Mohd Noor, Jawwal Miqdam. (2015). *Mahasiswa dan Matlamat Hidup*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa & Kehidupan Menurut Perpektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2020). *Didiklah Kami Dengan Sempurna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. (2012, 22 September 2012). *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. (2012). *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muammar, Khalif. (2009). Faktor kegemilangan tamadun Islam: pengajaran dari masa lalu. *Jurnal Hadhari*, 1(2), 15-31.
- Muhamad Shukri, Abdul Salam. (2004). *Panduan Mengajar Akidah Kanak-kanak*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya* (pp. 129-140). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Rahman, Abd Zaharuddin (2010). *Mutiara Akidah & Ibadat*. Selangor: Group Buku Karangkrak Sdn Bhd.

- Ramli, Awang. (2005). *Akidah Penghayatan Tauhid Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosfazila Abd. Rahman, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraleha Salleh, Abdul Razif Zaini. (2018). Analisis Rumah Ehsan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). *Jurnal Pengajian Islam*, 41-51.
- Sabiq, Sayid. (1994). *Akidah Islam Pola Hidup Manusia Beriman* (Vol. 2). Kyodo Printing Co (S'pore) Pte Ltd 112 Neythal Road, Jurong Town. Singapore 2262: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- Shuib, Fadzlullah. (2007). *Pemikiran dan Tamadun Islam* (Mohd. Puzhi Usop Ed.). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Taher, Tarmizi (2002). *Menyegarkan Akidah Tauhid Insani: Mati di Era Klenik*. Jakarta: Gema Insan Press.
- Yahya, Mahyudin. (1998). *Tamadun Islam*. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti.